

MASYARAKAT ISLAM GEMILANG PEMBAWA RAHMAT

MALAYSIA

PENDAHULUAN

Masyarakat Islam Gemilang

Sejarah telah merakamkan detik-detik kejayaan dan kecemerlangan Islam sejak turunnya wahyu daripada Allah SWT kepada Baginda Rasulullah SAW dalam melebarkan risalah kepada seluruh umat manusia.

Menelusuri perkembangan masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Arab ternyata pelbagai tahap yang mencabar telah dilalui seawal perkembangan penyebaran Islam di Makkah sehingga terbentuknya negara Islam Madinah. Tahap di Makkah lebih sesuai dianggap dalam proses pembinaan masyarakat Islam manakala di Madinah lebih kepada tahap penyatuan ummah dan pembangunan tamadun.

Di Makkah, usaha pembinaan masyarakat Islam oleh Nabi Muhammad SAW berlangsung selama 13 tahun melalui aktiviti dakwah. Pelbagai usaha dilakukan kaum Quraisy Makkah untuk menghalang usaha dakwah Nabi Muhammad SAW. Namun, tindakan Sayyidina Umar al-Khattab memeluk Islam memberi tamparan hebat kepada kaum Quraisy sehingga mereka bertindak memulaukan Bani Hasyim dan Bani Abdul Muttalib.

Usaha membentuk masyarakat Islam di Madinah amat mencabar kerana penduduknya terdiri daripada bangsa Arab dan bukan Arab. Penduduk asal berbangsa Arab terdiri dari suku kaum Aus dan Kahzraj. Bangsa bukan Arab pula terdiri daripada orang Yahudi seperti Bani Quraizah, Bani Mustahaliq, Bani Nadhir, Bani Qainuqa' dan lain-lain. Perbalahan antara

mereka telah melemahkan sistem ekonomi, politik dan sosial Madinah sehingga kaum Yahudi mengambil kesempatan ke atas mereka.

Namun kehadiran Rasulullah SAW berjaya menyatupadukan golongan *Ansar* (asal Madinah) dan *Muhajirin* (migran Makkah) berdasarkan iman dan taqwa tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit. Isu sosial dan ekonomi golongan Muhajirin terbela apabila golongan Ansar bersetuju untuk membantu mereka dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah dan RasulNya.

Konsep satu ummah yang disebut dalam *Piagam Madinah* juga diperkuuhkan. Piagam ini mewajibkan setiap umat Islam bekerjasama menegakkan amal kebaikan, mencegah kemungkaran, tidak membiarkan saudara seagama terbeban hutang serta menegah umat Islam berpihak kepada orang kafir untuk memusuhi Islam.

Kepimpinan Nabi Muhammad SAW yang unggul dan bijaksana telah berjaya membangun serta mengembangkan masyarakat Islam sehingga menjadi ummah yang gemilang dan berjaya membentuk negara Islam Madinah. Legasi ini, seterusnya disambung oleh para khulafa' al-Rashidin, kerajaan Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah dan Uthmaniyyah sehingga mampu menghadapi pelbagai cabaran musuh dan berjaya meluaskan empayar Islam ke seluruh alam.

Masyarakat Islam yang didirikan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat di Madinah telah melaksanakan tugas dengan begitu baik berlandaskan nilai-nilai Islam dengan gigih, tekun dan jujur sehingga berjaya membentuk sebuah masyarakat yang ideal dan menjadi contoh bagi masyarakat Islam lainnya. Tidak hairanlah jika ramai yang berpendapat bahawa Baginda SAW merupakan seorang model negarawan yang unggul.

Tuntasnya, masyarakat Islam yang gemilang pembawa rahmat boleh didefinisikan sebagai sebuah masyarakat yang memiliki jatidiri yang kukuh dari segi, akidah, syariah dan akhlak. Iaitu masyarakat yang berilmu, berakhlak, bersyaksiah dan penyayang, mempunyai institusi keluarga yang utuh dan hidup bersatu padu tanpa mengira agama dan bangsa. Entiti masyarakat seumpama inilah yang akan membawa risalah Islam sebagai agama pembawa rahmah ke seluruh dunia.

Krisis Dunia Masa Kini

Dunia pada hari ini mengalami krisis kemanusiaan berdarah dan episod pembunuhan kejam yang semakin berleluasa dan dilihat memberi gambaran buruk ke atas Islam dan umatnya. Krisis ini sering dihubungkait dengan kebangkitan golongan pelampau agama. Istilah radikal, ekstrem, militan dan terroris adalah antara beberapa istilah yang sering dikaitkan dengan Islam sehingga menimbulkan kesan Islamophobia.

Gelombang permusuhan yang membawa kepada pertumpahan darah dan keganasan melampau semakin melanda umat Islam di Asia Barat dan Timur. Situasi seumpama ini perlu ditanggani sebaik mungkin supaya ia tidak merebak dan mempengaruhi negara-negara di sebelah ASEAN termasuk Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei selaku negara MABIMS.

Islam agama samawi terakhir diturunkan Allah SWT sebagai sebuah agama yang paling lengkap dan sempurna. Islam berada di kemuncak kecemerlangan pada zaman Rasulullah SAW. Ia berkembang pesat sehingga pernah menguasai satu pertiga dunia. Namun, umat Islam tidak terlepas daripada menghadapi beberapa cabaran dalam seperti kemiskinan, krisis nilai dan jati diri, perbalahan etnik dan kegagalan institusi. Ulama memainkan peranan sebagai pewaris Nabi SAW yang menjadi pemandu ummah.

Justeru sebuah gagasan yang bersifat rahmah dicetuskan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang gemilang dan menyebarluaskan lagi agenda rahmah berpaksikan nilai *Rahmatan Lil 'Alamin* dan Maqasid Syariah. Gagasan yang memperlihatkan ajaran

Islam yang sebenar ini diyakini mampu menjadi asas kukuh bagi mewujudkan keharmonian dan perpaduan antara rakyat pelbagai kaum dan agama.

Islam Agama Rahmah - Definisi dan Konsep Rahmah

Rahmah dari segi bahasa diertikan sebagai kasihan belas, sayang dan prihatin yang tinggi. (Ibn al-Jawzi, *Nuzhah al-A'yun al-Nawazir*, (Muassasah al-Risalah, 1987). Dengan kata lain, lafaz *rahmah* ditakrifkan sebagai lautan kasih sayang. Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai pembawa lautan kasih sayang Allah SWT kepada seluruh manusia. Sesuai dengan lafaz *lil 'alamin*, konsep *rahmah* ini bersifat universal yang mencakupi segenap aspek kehidupan. Kasih sayang yang dibawa oleh Islam adalah sesuatu yang mesti dinikmati oleh semua makhluk. Ini diungkapkan sendiri oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang disampaikan oleh Salman al-Farisi RA yang menyebutkan:

“Sesungguhnya aku diutuskan sebagai pembawa rahmat buat sekalian alam.”
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Perutusan Islam sebagai rahmat buat sekalian alam telah direalisasikan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam kehidupan Baginda SAW. Konsep ini diterjemahkan oleh Rasulullah SAW melalui komunikasi harian Baginda terhadap mereka yang berada di sekelilingnya. Ini termasuklah sifat rahmah terhadap kanak-kanak, anak perempuan, wanita, anak yatim, warga emas, penuntut ilmu malah haiwan sekalipun. Konsep berbuat baik kepada mereka yang berada di sekeliling adalah suatu prinsip yang telah disepakati semua agama, budaya dan nilai kemanusiaan sejagat.

NOTA: ~sebagai *al-Ma'lum min al-Din Biddharurah* (Asas keperluan dalam beragama)~
Kenyataan ini perlu dibuang kerana bercanggah dengan fakta Ahli Sunnah Wal Jamaah yang memperuntukan perkara termaklum dalam urusan agama hanya melibatkan prinsip akidah dan syariat sahaja.

PENDEKATAN ISLAM DALAM MEMBENTUK MASYARAKAT GEMILANG PEMBAWA RAHMAH

Imam Ibn Katsir dalam tafsirnya mengatakan; “Allah mengkhabarkan bahawa dia telah menjadikan Muhammad SAW sebagai rahmat bagi semesta Alam. Iaitu Dia mengutusnya sebagai rahmat untuk kalian semua. Barangsiapa yang menerima rahmat dan mensyukuri nikmat ini nescaya dia akan berbahagia di dunia dan di akhirat. Manakala barangsiapa yang menolak dan menentangnya nescaya dia akan menanggung kerugian di dunia dan di akhirat. Hal ini sebagaimana firman-Nya:

“Tidakkah kamu perhatikan orang-orang yang telah menukar nikmat Allah dengan kekafiran dan menjatuhkan kaumnya ke lembah kebinasaan?. Iaitu neraka Jahanam, mereka masuk ke dalamnya dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman.”- (Surah Ibrahim: ayat 28-29).

Berkata Imam Muslim dalam kitab sahihnya, beliau meriwayatkan bahawa Abu Hurairah RA berkata: *“Ya Rasulullah! Sumpahilah orang-orang musyrik itu. Lalu Baginda bersabda: Sesungguhnya aku tidak diutus sebagai orang yang melaknat. Sebaliknya aku diutus hanyalah sebagai pembawa rahmat.”* (Hadis Riwayat Muslim: No. 2559)

Menurut Dr. Najih Ibrahim (salah seorang Ulama Mesir) ayat ayat 107 pada surah al-Anbiy' secara jelas menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW diutus sebagai rahmat bagi semesta alam dan bukan dikhkususkan untuk orang Islam sahaja. Ia bermaksud bahawa Rasulullah SAW adalah pembawa berkat bagi seluruh umat manusia merangkumi Muslim dan bukan Islam termasuk binatang, tumbuh-tumbuhan bahkan kepada benda-benda mati sekalipun.

Beliau membawa sebuah hadis yang menceritakan mengenai seorang wanita yang masuk neraka gara-gara dia menyeksa seekor kucing dan tidak memberinya makanan. Beliau juga menceritakan bahawa suatu hari Nabi Muhammad SAW melihat seekor burung yang terbang berputar-putar di sarangnya dalam kebingungan. Lantas Rasulullah

SAW mengetahui bahawa burung tersebut sedang mencari anak kecilnya yang hilang. Lalu Baginda SAW mengumpulkan para sahabat RA dan menanyakan kepada mereka tentang siapakah yang mengambil anak burung itu.? Salah seorang sahabat mengakui perbuatannya. Rasulullah SAW lantas meminta kepadanya untuk mengembalikan anak burung tadi ke sarangnya.

Demikianlah kecintaan dan sifat rahmah Rasulullah SAW kepada binatang. Jika dengan haiwan Baginda SAW memerintahkan kita untuk bersikap kasih sayang maka kasih sayang sesama manusia pastinya lebih diutamakan.

Contoh seterusnya boleh dilihat dalam berbagai pertempuran, Rasulullah SAW melarang pembunuhan orang awam. Bahkan setiap kali hendak berperang, Rasulullah SAW selalu berwasiat agar para tentera tidak membunuh anak-anak, wanita, orang tua, tidak merosakkan tanaman atau menghancurkan bangunan.

Rasulullah SAW memerintahkan kita agar berlaku adil kepada sesiapapun samada kepada orang Islam ataupun bukan Islam. Dalam masa yang sama, Rasulullah SAW juga melarang kita berbuat zalim kepada sesama Islam atau bukan Islam.

Selain itu, Rasulullah SAW memerintahkan kita untuk menyambung tali silaturrahim termasuk kepada orang yang memutuskan hubungan silaturrahim dengan kita. Islam tidak mengajar kita melakukan kekerasan, mengkafirkan atau membenci orang lain tanpa hak. Islam memerintahkan kita untuk membenci kemaksiatan tetapi memberi ruang kepada pelaku maksiat untuk bertaubat. Islam memerintahkan kita untuk membenci kekufturan, namun Islam sentiasa membuka pintu dakwah dan memberi peluang kepada mereka untuk kembali beriman dan beramal soleh.

Terdapat suatu kisah seorang sahabat yang meminum khamar, lantas salah seorang sahabat mencacinya. Namun Rasulullah SAW melarangnya dan mengatakan bahawa

orang yang meminum khamar tersebut, mencintai Allah dan RasulNya. Rasulullah SAW membenci maksiat, namun tidak membenci zat pelaku maksiat.

Secara umumnya, umat Islam sebagai sudah dilihat sebagai penjana kesejahteraan dan kebaikan dalam kehidupan. Umat Islam yang bertindak menghayati akhlak mulia tuntutan Islam, pasti akan berupaya menaburkan dan menyumbang pelbagai kebaikan dalam kehidupan harian di tengah-tengah masyarakat.

Ruang pertama perlu diberikan perhatian dalam proses pembinaan diri ialah institusi keluarga yang menjadi permulaan kehidupan sebagai manusia. Dalam Islam, institusi keluarga ialah komponen masyarakat yang amat penting. Ia bermula dengan perkahwinan yang diasaskan atas *mawaddah wa rahmah* (kasih sayang dan belas kasihan) yang dicipta serta diterap Allah SWT dalam jiwa lelaki dan perempuan seperti tercatat dalam surah al-Rum, ayat 21.

Tujuan perkahwinan, antara lainnya ialah melahirkan zuriat yang merupakan amanah yang mesti dipelihara sebaik mungkin serta diberikan pendidikan terbaik mengikut kemampuan. Sebagai timbal balik, anak-anak mesti mentaati ibu bapa dan menjaga mereka dengan baik apabila sudah tua. Suasana kehidupan sebegini dalam institusi keluarga, dengan pendidikan sempurna, berupaya melahirkan ahli keluarga yang baik dan berakhhlak mulia sebagai manifestasi terlaksana tuntutan rahmah.

Ahli keluarga yang baik akan berinteraksi dengan pelbagai pihak dalam masyarakat secara harmoni. Orang yang paling hampir di kalangan kita adalah jiran tetangga. Islam menginstitusikan suatu konsep interaksi yang cukup baik dan teratur. Iaitu pergaulan yang baik mesti berlangsung dalam kalangan jiran tetangga termasuk bukan Islam. Seseorang manusia terdedah kepada lapangan hidup yang luas membabitkan pelbagai masyarakat, budaya dan agama.

Islam menginstitusikan konsep ukhuwah persaudaraan yang mengikat sesama Muslim atas dasar iman hingga tetap bersaudara walau di mana berada. Manakala dalam konteks hubungan dengan bukan Islam, syariat Islam menjelaskan hubungan baik dan toleransi boleh berlangsung asalkan tidak berniat jahat ke atas umat Islam seperti firman Allah SWT: “*Allah tidak melarang kamu berbuat baik (dalam urusan dunia) dan berlaku adil terhadap orang (bukan Muslim) yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil.*” (Surah Al-Mumtahanah: ayat 8)

Dengan syarat tersebut terlaksanalah persaudaraan (الأخوة الإنسانية) sesama manusia yang dituntut oleh Syariat Islam. Dalam bentuk yang lebih universal, ajaran Islam menjelaskan kriteria manusia paling baik dan dicintai Allah SWT sebagaimana hadis: “*Sebaik-baik manusia adalah paling bermanfaat kepada manusia lain.*” (Hadis Riwayat al-Tabrani dan al-Daruqatni)

Jelas, kriteria diambil kira Islam dalam menentukan ciri manusia terbaik dan amat dicintai Allah adalah merujuk sebanyak mana seseorang dapat menyumbangkan manfaat kepada orang lain dalam kehidupan ini. Ini bermakna Islam menggesa umatnya sentiasa berusaha secara berterusan memberi sumbangan terbaik yang banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia. Islam tidak membenarkan umatnya melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan manusia lain terperangkap dalam kesusahan dan tidak menjadi punca kesukaran orang lain.

Perlu diperhatikan, perkataan ‘manusia’ sebagai penerima manfaat berbentuk umum dan tidak dikhususkan sama ada Islam ataupun bukan Islam. Ini bermakna gesaan sesuatu bermanfaat yang menjadi indikator manusia Muslim terbaik dan dikasihi Allah SWT bersifat sejagat yang golongan penerimanya tidak dibatasi oleh apa-apa bentuk sempadan biasa kemanusiaan seperti agama, bangsa dan warna kulit. Pemberian rahmat kepada sesama manusia adalah kerana pengiktirafan Allah SWT terhadap kemuliaan insan yang dinobatkan dalam al-Quran;

﴿ وَلَقَدْ كَرَمَنَا بَنِي آدَمَ وَجَلَّنَا هُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُم مِّنْ
 ﴿ ٧٠ ﴾
 الْطَّيْبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّا خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Surah al-Isra’: ayat 70)

Di sinilah terbentuk dan lahir nilai terbaik seorang muslim yang berfungsi sebagai penjana dan peneraju kesejahteraan dalam kehidupan di mana sahaja berada dan pada bila-bila masa. Sesungguhnya manusia Muslim mempunyai prasarana dan potensi yang lengkap untuk muncul sebagai peneraju dalam membina kebaikan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Islam menyediakan trek laluan kukuh, munasabah dan praktikal untuk digunakan dalam proses pembinaan personaliti Muslim yang kuat dan tahan uji bagi melaksanakan tugas berat sebagai penjana kesejahteraan hidup bermasyarakat.

PENDEKATAN MALAYSIA KE ARAH MEMBINA MASYARAKAT GEMILANG PEMBAWA RAHMAH

Bagi Malaysia, dalam usaha menyusun perancangan untuk melayakkan kita mencapai taraf masyarakat gemilang pembawa rahmah yang konsisten dan teguh, dasar rahmah berpandukan kepada Maqasid Syariah digariskan sebagai panduan mencapai matlamat itu. Antara lima (5) prinsip paling asas Maqasid Syariah itu adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berdasarkan itu, aspirasi mewujudkan negara Rahmah yang ingin direalisasikan oleh Malaysia ialah sebuah negara yang menaungi rakyatnya dengan kepimpinan yang berintegriti, tadbir urus baik, masyarakat berilmu, berakhlik dan penyayang, hubungan etnik dan penganut pelbagai agama yang harmoni, ekonomi yang mampan, pembangunan dan alam sekitar yang lestari, kebijakan dan keselamatan rakyat terpelihara serta bersifat menyantuni kemanusiaan, ihsan dan peradaban bermatlamatkan kesejahteraan sejagat.

Konsep Negara Rahmah

Konsep Negara Rahmah adalah bersandarkan tiga (3) elemen berikut:

- i. Islam sebagai rahmat bagi sekalian alam, membawa keamanan, kemakmuran kepada rakyat dan negara.
- ii. Tadbir urus berdasarkan kerangka Maqasid Syariah yang menekankan aspek penjagaan Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta.
- iii. Penampilan model Malaysia bersetujuan dengan keadaan, adat dan budaya bangsa Malaysia tanpa meninggalkan asas-asas Islam.

Manifestasi Rahmah Dalam Pentadbiran Negara

Manifestasi rahmah dalam pentadbiran negara adalah terangkum secara ringkas dalam perkataan RAHMAH seperti berikut:

- **R – Ramah;** merujuk kepada pentadbiran yang membawa mesej santun, keperihatinan dan peduli.
- **A – Aman;** merujuk kepada pentadbiran yang membawa mesej keamanan, keadilan dan kesejahteraan.
- **H - Harmoni;** merujuk kepada pentadbiran yang menghargai kemajmukan, melestarikan hidup dalam kedamaian serta menjaga hubungan antara kaum dan agama.

- **M – Mesra;** merujuk kepada pentadbiran yang menyediakan keselesaan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat, memberikan kemudahan tanpa mengetepikan kelompok minoriti dan berinteraksi dengan semua pihak.
- **A – Alami;** merujuk kepada pentadbiran yang membudayakan gaya hidup mesra alam, memelihara, memulihara dan mengamalkan penjimatan tenaga dan cinta alam.
- **H – Hormat;** merujuk kepada pentadbiran yang mempunyai nilai prinsip kemanusiaan, kepelbagaian agama dan membina keperibadian yang dihormati dan menghormati sesuai dengan kemuliaan insan.

Strategi Bagi Memacu Pelaksanaan Gagasan Menuju Negara Rahmah

i. Perkuuh Agenda *Reform* dan Penambahbaikan agensi hal ehwal Islam

Pembaharuan dan penambahbaikan dalam falsafah dan gagasan pengurusan dan pentadbiran Islam di Malaysia telah dilakukan melalui pendekatan yang progresif meliputi semua agensi di bawah pentadbiran hal ehwal Islam berdasarkan tujuh (7) Kluster yang telah diwujudkan iaitu:

- a) Kluster 1: Perundangan Dan Kehakiman
- b) Kluster 2: Pendidikan Dan Pembangunan Insan
- c) Kluster 3: Dakwah Dan Media
- d) Kluster 4: Sosio Ekonomi
- e) Kluster 5: Pengurusan Haji Dan Halal
- f) Kluster 6: Pengurusan Masjid
- g) Kluster 7: Penyelidikan Dan Maqasid

ii. Realisasi Konsep Tadbir Urus Berteraskan Rahmatan Lil Alamin, Maqasid Syariah Dan Model Malaysia

Dalam ajaran Islam, tadbir urus negara mesti menterjemahkan satu sistem pentadbiran yang inklusif dan manusiawi serta mempunyai ciri-ciri progresif; kerana Islam tertegak di atas nilai *Rahmatan Lil 'Alamin* (Rahmah untuk semua). Isu-isu profesionalisme, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam tadbir urus adalah terangkum dalam konsep *Rahmatan Lil 'Alamin* (Rahmah untuk semua).

iii. Nilai Dan Pemikiran Maqasid Syariah dibangunkan Sebagai Pemacu *Rahmatan Lil 'Alamin*

Maqasid Syariah adalah merupakan satu sistem nilai, amalan dan pemikiran yang mempunyai peranan yang sangat luas dalam sistem pembangunan sebuah negara. Objektif umum Maqasid Syariah iaitu memelihara sistem kehidupan manusia supaya dapat mengekalkan kestabilan dan keharmonian, adalah sebagai asas panduan yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang terhadap apa jua tindakan bagi mengelakkan kerosakan dan kehancuran. Kesejahteraan, keamanan dan keselamatan menjadi antara matlamat utama Maqasid Syariah dalam pentadbiran negara berdasarkan kepada prinsip pemeliharaan, jaminan dan pemuliharaan agar lima (5) keperluan asas manusia terbela.

iv. Hasilkan Model Pentadbiran Dan Pengurusan Acuan Malaysia

Gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin* yang dipacu melalui agenda Maqasid Syariah akan menghasilkan sebuah model atau amalan terbaik dalam berbagai bidang pentadbiran negara seperti pengurusan dan pentadbiran, hukum dan fatwa, pendidikan, ekonomi dan kewangan, sosial dan budaya serta perundangan berdasarkan kerangka Perlembagaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen, kepelbagaian agama dan kaum dengan mengambil kira realiti negara ini yang mampu menjadi model kepada

negara-negara lain.

v. Integrasi Nilai Bersama Agenda Antarabangsa *Sustainable Development Goals (SDGs)*

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Sidang Kemuncak Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari (UN *Sustainable Development Summit*) yang berlangsung di New York pada 25 hingga 27 September 2015 telah memperkenalkan *Sustainable Development Goals (SDGs)* [*Agenda 2030*] yang mengandungi tujuh belas (17) Matlamat bagi memastikan kelestarian kehidupan dan pembangunan, peradaban serta keharmonian masyarakat dunia yang perlu dicapai menjelang 2030. 193 buah negara dunia termasuk Malaysia telah menerima dan memberikan komitmen melaksanakan Agenda 2030 tersebut. Sebagai sebuah negara yang terlibat dalam merealisasikan *SDGs* ini, pelbagai dasar dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian/jabatan dan agensi telah dintergrasikan dengan menggunakan pendekatan Maqasid Syariah yang bersifat universal sebagai *A Duty Of Care* dan *Rahmatan Lil 'Alamin* dalam melaksana Agenda 2030 ini.

PENUTUP

Kebebasan berfikir dan meraikan kepelbagaian pendapat mempunyai asas yang kukuh dalam Islam. Namun, seperti mana hal-hal yang lain, ia tidak mungkin bersifat mutlak dan tetap mempunyai batas dan sempadan yang tidak boleh dilanggar. Kesucian agama Islam mestilah digarap dengan penuh berhati-hati. Pelaksanaan hukum dan penguatkuasaan undang-undang yang sinonim dengan kekerasan, jika tanpa disertakan dengan roh kelembutan dan hikmah yang mendidik pasti akan mendatangkan fitnah kepada agama Islam. Lantaran itu, sikap berhati-hati dalam menangani perbezaan dan menanggapi kemajmukan adalah amat dituntut bagi menzahirkan sifat rahmah agama Islam.

Setelah mengenali secara umum beberapa cabaran umat Islam dan strategi yang dirancang, maka menjadi tanggungjawab kita yang prihatin dan peka dengan masa depan umat untuk melakukan muhasabah dan belajar daripada sejarah lampau untuk membolehkan kita membina imej Islam yang lebih harmoni tanpa menggadaikan prinsip-prinsip asas, membawa naratif Islam yang lebih toleran tanpa mengorbankan ketegasan prinsip dalam perkara-perkara pokok yang tidak boleh diambil mudah. Islam adalah agama yang lengkap membina kehidupan dan masyarakat Islam yang gemilang adalah pembawa rahmat kepada seluruh umat manusia.

BIBLIOGRAFI

AL-QURAN DAN HADITH

Sāmi bin Muhammad Salāmah (1999), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, c.2. Arab Saudi: Dār Tayyibah Iin Nasyr al-Tauzī'

Dr. Wahbah Zuhaily (2009), *Tafsīr al-Munīr fī al-Aqidah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*, c.10. Beirut: Dārul Fikr

Aḥmad ibn Ḥanbal (2001), *Musnad*. Beirut: Muassasah al-Risālah

Al- Bukharī (2000), *Sahīḥ al-Bukharī*. Muhammad al-Nasir (ed.). (T.T.P.): Dār Tuq al-Naja

Al-Nasa'ī (1986), *Sunan al-Nasa'ī*. Halab : Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah

Al-Tarmīzī (1998), *Sunan al-Tarmīzī*. Beirut : Dār al-Gharb al-Islamī

Ibn Majah (2008), *Sunan*. Kaherah: Dār Ihya al-Kutub al- 'Arabiyya

Asy-Syahīd Sayyid Quṭb (2000), *Tafsīr fī Zilālil Qur'ān*. Yusoff Zaky Haji Yacob (terj.). Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd

Syaikh Ahmad Muṣṭoфа al-Marāghi (1946), *Tafsīr al-Marāghi*. Kaherah: Muṣṭoфа al-Babī al-Halabī

Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf b. 'Abd Allah b. 'Abd al-Barr (1967), *al-Tamhīd lima fī al-Muwatta' min al-Ma'ānī wa al-Asānid*. Maghribi : Matba'ah Fudālah

Ibn al- Qayyim (t.t.), *Tafsīr al-Qayyim*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah

Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar al-Qurṭubi (2006), *Tafsīr al-Qurṭubi*,

Dr. Abdullah bin Abdul Muhsin al-Turki (ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risālah

Mujahid Yusof Rawa (2015), Islam Dan Kepelbagaian: Rahmat Untuk Semua. Selangor: Ilham Books

LAMAN WEB

Sifat Bermanfaat, Rahmah Muslim Tidak Mengira Sempadan,

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/11/494790/sifat-bermanfaat-rahmah-muslim-tidak-mengira-sempadan>, 05 November 2018

Hadis 40, <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/hadis-40.pdf>, Jun 2008

Manhaj Wasathiy Dalam Menyantuni Kepelbagaian,

<http://www.muftiwp.gov.my/ms/sumber/berita/pejabat-mufti-wilayah-persekutuan/2514-qalam-mufti-11-manhaj-wasathiy-dalam-menyantuni-kepelbagaian>, 18 Julai 2018

Islam, Rahmatan Lil 'Alamin,

<https://muslim.or.id/1800-islam-rahmatan-lil-alamin.html>, 13 Januari 2010

Menjaga Sikap Belas Kasih,

<https://www.hidayatullah.com/kajian/tazkiyatun-nafs/read/2016/03/31/92163/menjaga-sikap-belas-kasih.html>, 31 Mac 2016

Adab dan Cara Rasulullah S.A.W. Menyantuni NonMuslim,

<http://www.karangkraf.com/nurani/adab-cara-rasulullah-s-a-w-menyantuni-non-muslim-1.484402>, 12 Februari 2016